

# AL-HIKMAH

---

Jilid            15            ISSN 1985-6822            2023  
No.            2    1445

---

- PERSEPSI DAN SIKAP MUALAF TERHADAP IMPAK PANDEMIK COVID-19 DI TERENGGANU ... 1-21  
*Azarudin Awang, Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey & Che Norzila Sulong*
- PENGURUSAN PRASARANA DAKWAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN ... 22-40  
*Azizul Azra Abdul Razak, Mohd. Hisyam Abdul Rahim & Hafizah Abdul Jalil*
- METODE LĀ QUDAH SEBAGAI PELENGKAP TASAWWUR DAKWAH AYAT 125 SURAH AL-NAHL: ANALISIS AL-MAWDU'I ... 41-55  
*Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, Mohd Shukri Hanapi & Wan Nasyrudin Wan Abdullah*
- TAHAP PENGUASAAN ASAS FARDU AIN DALAM MASYARAKAT ORANG ASLI DI NEGERI PAHANG ... 56-71  
*Halim Ismail, Nazatul Akmar Mokhtar, Ramlan Mustapha, Fahmi Abdul Razak, Auni 'Atikah Tazudin, Asmadi Abdul Rahman & Sh. Mohd Firdaus Sh. Othman*
- KAJIAN SEJARAH DAN ANALISIS TEKSTUAL TERHADAP TRANSFORMASI AWAL PEMIKIRAN DALAM AGAMA KRISTIAN ... 72-94  
*Zaifuddin Md Rasip*
- WAJAH FILEM ISLAMIK REPRESENTASI BUSANA DAN SOLEKAN: ANALISIS KANDUNGAN FILEM IMAM ... 95-106  
*Wawarah Saidpuddin & Md Rozalafri Johari*
- PENINGKATAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT MELALUI PENGURUSAN EKONOMI ISLAM YANG ADIL ... 107-118  
*Amie Amelia*
- HAD TA'LIF DAN SOKONGAN SOSIAL DALAM MENSEJAHTERAKAN MUALAF... 119-135  
*Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh, Ahmad Irdha Mokhtar, Hasanah Abd Khafidz, Khazri Osman, Zulkefli Aini, Nur Nazira Rahim, Farid Zainal, Salhuddin Abu Samah*

## Tahap Penguasaan Asas Fardu Ain Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang

**The Level of Mastery of The Basic Fardu Ain Among The Indigenous  
Communities in The State of Pahang**

\* HALIM ISMAIL  
NAZATUL AKMAR MOKHTAR  
RAMILAN MUSTAPHA  
FAHMI ZAIDI ABDUL RAZAK  
AUNI 'ATIKAH TAZUDIN  
ASMADI ABDUL RAHMAN  
SH. MOHD FIRDAUS SH. OTHMAN

### ABSTRAK

Berdasarkan bancian kependudukan Orang Asli (OA) yang dikeluarkan oleh JAKOA, terdapat seramai 89,172 jumlah ahli isi rumah Orang Asli seluruh Pahang dengan seramai 17,427 daripada mereka adalah beragama Islam. Sekalipun mereka telah memeluk agama Islam, masih terdapat dalam kalangan mereka yang tidak menguasai perkara-perkara asas fardu ain dengan sempurna disebabkan pelbagai masalah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap penguasaan beberapa perkara asas fardu ain dalam kalangan masyarakat Orang Asli beragama Islam di Negeri Pahang. Kajian ini berbentuk data deskriptif yang diperolehi daripada 250 orang responden masyarakat Orang Asli beragama Islam di daerah-daerah di Negeri Pahang dan dianalisis menggunakan Microsoft Excel bagi mendapatkan peratus, kekerapan dan purata penguasaan. Dapatan kajian menunjukkan item yang diuji iaitu amali wuduk, bacaan lafaz niat solat dan bacaan semasa iktidal berada pada kedudukan tertinggi penguasaan. Manakala item bacaan doa qunut, doa iftitah dan bacaan tahiyyat adalah paling ramai tidak dikuasai oleh orang asli. Kesimpulan kajian ialah tahap penguasaan asas fardu ain masyarakat Orang Asli adalah baik, namun memerlukan usaha yang berterusan agar dapat menambahbaik metod pengajaran supaya lebih mudah dipelajari dan lebih efektif. Kajian ini memberi implikasi terhadap pihak-pihak berkaitan bagi meningkatkan usaha dakwah dan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli khususnya di Negeri Pahang.

**Kata kunci:** *Fardu ain, penghayatan agama, solat, masyarakat orang asli, Negeri Pahang.*

## ABSTRACT

Based on the Orang Asli population census (OA) issued by JAKOA, there are 89,172 members of Orang Asli households throughout Pahang, with a total of 17,427 of them being Muslim. Despite embraced Islam, some still do not master the basic things of fard ain perfectly due to various problems. Therefore, this study was conducted to identify the level of mastery of some essential fard ain matters among the indigenous Muslim community in the State of Pahang. This study is descriptive data in percentage, frequency, and average dominance. The study's findings show that the tested items, namely the practice of ablution, the recitation of prayer intention and the recitation during iktidal, are in the highest position of mastery. While the items of reading qunut prayer, iftitah prayer and tahiyyat reading are the most not mastered by native people. The study concludes that the level of mastery of the basic fard ain of the indigenous community is good, but it requires continuous efforts to improve the teaching method so that it is easier to learn and more effective. This study gives implications for the relevant parties to increase the efforts of da'wah and understanding of Islam among the indigenous people, especially in the State of Pahang.

**Keywords:** *Fardu ain, religiosity, prayer, the indigenous people, Pahang State.*

Received : 03 August 2023

Accepted : 15 September 2023

Revised : 15 September 2023

Published : 31 December 2023

## PENDAHULUAN

Masyarakat Asli adalah sebahagian daripada entiti yang membentuk populasi masyarakat Malaysia dan mereka dianggap sebagai kaum minoriti. Berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli ditakrifkan sebagai (i) orang yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikuti cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli. (ii) Termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa kecil oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli. Dia lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikuti cara hidup dan adat kepercayaan mereka. (iii) Termasuk juga dalam kategori Orang Asli ialah anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu suku kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap

bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli. (JAKOA, 2022).

Sumber Jabatan Kemajuan Orang Asli merekodkan jumlah penduduk Asli Malaysia ialah seramai 206,777 orang (JAKOA 2022). Dianggarkan seramai 35,975 pula adalah Orang Asli Islam pada tahun 2018 bersamaan 17.4% daripada keseluruhan populasi penduduk Orang Asli di Malaysia (Data Terbuka Sektor Awam, 2022). Berdasarkan angka ini, jelas bahawa satu insiatif berterusan dan terancang perlu dilakukan dalam konteks dakwah terhadap komuniti ini. Proses dan pendekatan dakwah Islamiyah perlu dilihat sebagai suatu yang penting yang berupaya meningkatkan kualiti hidup Orang Asli. (Razaleigh Muhamat, 2013).

Berdasarkan bancian kependudukan Orang Asli (OA) yang dikeluarkan oleh JAKOA, terdapat seramai 89,172 jumlah ahli isi rumah Orang Asli seluruh Pahang. Melalui bancian tersebut juga dikenal pasti terdapat 262 buah Kampung Orang Asli (KOA) di sekitar Pahang. Menurut data agama masyarakat Orang Asli yang telah dikemaskini pada tahun 2022 menunjukkan hanya seramai 17,427 masyarakat Orang Asli Pahang adalah beragama Islam (JAKOA, 2022). Jumlah ini mewakili hanya 8.4% sahaja daripada jumlah keseluruhan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang.

Sehubungan itu, tahap penguasaan ilmu fardu ain semasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang perlu dikenalpasti. Dengan itu, pendekatan yang komprehensif dan integratif boleh dilaksanakan oleh pihak berkuasa agama Negeri Pahang seperti Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

Menurut Asmadi Abdul Rahman & (2020) terdapat 12 tema cabaran yang perlu dihadapi bagi melaksanakan dan menjayakan usaha dakwah di Pahang iaitu cabaran berkaitan lokasi masyarakat orang asli, tidak menguasai bahasa orang asli, ancaman dari orang asli, kekurangan pendakwah, sifat dan sikap yang tidak baik oleh penduduk setempat, saingan misionari kristian, sumber kewangan, masalah dalaman pendakwah, sikap orang asli, sikap bangsa melayu, tidak mengotakkan janji dan tiada penyelarasian antara NGO.

Di samping usaha-usaha dakwah yang dijalankan, sikap masyarakat Orang Asli yang kurang berminat mempelajari agama Islam adalah antara sebab mereka tidak dapat memahami Islam dengan baik, sehingga membawa kepada mereka tidak dapat memenuhi tuntutan ajaran Islam. Kerana itu, mereka hanya Islam pada nama, tetapi tidak dengan amalan. Walaupun mereka telah memeluk Islam, mereka masih tidak dapat melaksanakan amalan yang dituntut dan meninggalkan amalan yang dilarang oleh Islam kerana ada dalam kalangan mereka yang masih buta huruf. Masyarakat

Orang Asli juga hanya gemarkan aktiviti yang boleh menambah pendapatan kerana kebanyakan mereka adalah daripada golongan berpendapatan rendah. Akibat daripada sikap itu ada di antara mereka yang tidak tahu melafazkan syahadah, tidak tahu mengerjakan solat, dan mudah melanggar prinsip Islam yang dipelajari. (Razaleigh, Abdul Ghafar & Abu Dardaa 2012).

Sehubungan itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap penguasaan fardu ain masyarakat Orang Asli di negeri Pahang supaya dapat dijadikan kayu ukur dalam keberkesanan usaha dakwah tersebut.

#### **DAWKAH DAN PENDIDIKAN AGAMA MASYARAKAT ORANG ASLI**

Perbincangan mengenai dakwah dan pendidikan agama masyarakat Orang Asli telah mendapat perhatian oleh para pengkaji dalam pelbagai sudut. Antaranya, kajian Raba'ahadawiah et al. (2022) mengenai pendekatan dakwah guru pembimbing kelas fardu ain muallaf, kajian Jamilah & Engku Ahmad Zaki (2017) mengenai aktiviti dakwah JAKIM terhadap masyarakat orang asli, kajian Abdul Ghafar et al. (2016) mengenai tahap kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan Orang Asli baru Islam, kajian Zulkefli et al. (2019) mengenai amalan komunikasi dakwah semasa kelas bimbingan fardu ain Orang Asli muslim. Kajian-kajian ini merumuskan bahawa insiatif berterusan dan terancang perlu dilakukan dalam konteks dakwah terhadap komuniti ini memandangkan tahap kefahaman dan penghayatan Islam mereka yang masih rendah dalam.

Walau bagaimanapun, perbincangan yang melibatkan tahap penguasaan Orang Asli yang baru memeluk Islam terhadap asas fardu ain masih dibincangkan secara terhad. Kebanyakan kajian yang melibatkan tahap penguasaan fardu ain dilihat dari konteks pelajar sekolah secara umum dan pelajar Pendidikan khas. Umpamanya, Azman Che Mat et al. (2017) melakukan satu kajian kes terhadap murid tahun 5 dan mendapati penguasaan murid masih berada pada tahap sederhana dan kurang memuaskan. Begitu juga kajian Abdul Rahman, Jusminah & Mohd Rais (2020) yang menganalisis tahap pencapaian solat fardu di kalangan pelajar tingkatan satu di Sabah. Mereka mendapati bahawa pencapaian pelajar tidak memuaskan dan memerlukan kepada perancangan pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) solat fardu menggunakan pelbagai cara yang lebih efektif. Berbeza dengan kajian Mariam Abd Majid et al. (t.t) mengkaji penerimaan modul pengajaran kelas fardu ain kepada muallaf di daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian mendapati penerimaan muallaf terhadap modul tersebut adalah sangat tinggi dimana item yang dinilai menitikberatkan soal fardu ain secara umum dan akidah secara khusus. Manakala perbincangan mengenai masyarakat Orang Asli muslim pula kebanyakannya menyentuh

perihal komunikasi dan dakwah. Contohnya, kajian Zulkefli bin Aini et al. (2019) menekankan komunikasi dakwah yang berkesan dalam membimbing masyarakat Orang Asli menghayati asas fardu ain ialah komunikasi secara berhikmah. Kajian yang lebih kurang sama oleh Zulkefli bin Aini et al. (2019) menunjukkan tiga strategi yang diperlukan dalam proses komunikasi dakwah iaitu autoriti pendakwah, kredibiliti pendakwah dan aplikasi perubahan. Berbeza dengan kajian Abdul Ghafar et al. (2016) tahap kefahaman dan pengamalan Islam dalam kalangan saudara baru Islam Orang Asli di Selangor adalah tinggi dari sudut kepercayaan (aqidah) kesan daripada kesejahteraan sosial di Malaysia amnya.

Kajian Syed Abdurrahman (2009) mengetengahkan tiga cabaran dakwah Orang Asli. Masalah institut dakwah dan pendakwah, masalah masyarakat Islam sekeliling, dan masalah sasaran dakwah itu sendiri. Begitu juga kajian Asmadi & Ramlan (2020) yang merumuskan beberapa tema cabaran yang perlu dihadapi bagi melaksanakan dan menjayakan usaha dakwah di Pahang seperti cabaran berkaitan lokasi masyarakat Orang Asli, masalah bahasa, ancaman dari Orang Asli, kekurangan pendakwah, saingan misionari, sumber kewangan, masalah dalaman pendakwah, sikap Orang Asli, sikap bangsa melayu, dan tiada penyalarasian antara NGO.

#### KONSEP FARDU AIN

Fardu ain merupakan salah satu tuntutan dalam Islam yang dituntut secara tegas untuk melakukan sesuatu perbuatan mahupun meninggalkan sesuatu perbuatan keatas umat Islam yang mukallaf. Imam al-Ghazali (1971) dalam kitabnya *Ihya' Ulum Ad-ddin* menjelaskan bahawa terdapat tiga bahagian atas ilmu fardu ain, iaitu kepercayaan, perbuatan, dan meninggalkan. Berpegang kepada aqidah Islam, mengamalkan segala suruhan agama dan menjauhi segala larangan agama. Oleh itu, mempercayai rukun Iman dan Islam, melakukan segala yang disuruh serta meninggalkan segala yang dilarang merupakan atas fardu ain (Mukhlis 2017).

Imam al-Nawawi (2002) juga menegaskan dalam kitab beliau *al-Majmu'* *Sharh al-Muhadhdhab*, bahawa ilmu fardu ain adalah ilmu yang wajib dipelajari dan diamalkan oleh mukallaf. Contohnya, perkara yang berkaitan rukun Islam, atas aqidah Islam, perkara yang dihalalkan dan yang diharamkan, dan lain-lain.

Dalam kitab ‘Asas-Asas Fardu Ain’ karangan Sulaiman Endut (2005), penulis memulakan bab amalan dan ibadah dengan bersuci dan ibadah solat. Bertepatan dengan tuntutan solat dalam Islam dimana solat membezakan antara muslim dan kafir. Selain itu, Rasulullah SAW memerintahkan ibubapa supaya mendidik anak-anak mereka mendirikan

solat seawal umur tujuh tahun dan memukulnya dengan pukulan yang tidak mencederakan dengan niat untuk memberi pelajaran ketika sampai umur sepuluh tahun. Diriwayatkan oleh Abu Daud, Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

*“Perintahkanlah anak-anak kalian untuk mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka (jika mereka tidak mahu melaksanakannya) ketika mereka berumur sepuluh tahun. Dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka.”*

Pengkaji melihat keperluan dalam mengetahui tahap penguasaan asas fardu ain masyarakat Orang Asli yang baru memeluk Islam supaya dapat menjadikan rujukan dalam penilaian perkembangan penguasaan mereka seiring usaha-usaha dakwah yang dijalankan. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada amalan wuduk dan solat sahaja kerana ia merupakan komponen utama dalam fardu ain.

Hal ini bersesuaian dengan hadith Rasulullah SAW yang memerintahkan Muaz ibn Jabal mengajar penduduk Yaman tentang asas-asas Islam menerusi sabda baginda yang bermaksud:

*Dengan apakah kamu akan berhukum? Maka Muaz menjawab: Aku akan berhukum dengan apa yang terdapat di dalam Kitabullah. Baginda bersabda: Sekiranya ia tidak terdapat di dalam Kitabullah? Maka jawab Muaz: Aku akan berhukum dengan Sunnah Rasulullah S.A.W. Baginda bertanya lagi: Sekiranya tidak terdapat di dalam Sunnah Rasulullah SAW? Jawab Muaz: Aku akan berijtihad dengan pendapatku. Maka Rasulullah S.A.W bersabda: Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufiq kepada utusan Rasulullah S.A.W. (HR al-Tirmizi 1327).*

#### PERANAN MAJLIS UGAMA DAN ADAT RESAM NEGERI PAHANG

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) secara umumnya berperanan untuk membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang tentang agama Islam di samping berperanan sebagai pihak berkuasa agama Islam sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Seksyen 5 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 yang menyatakan bahawa MUIP hendaklah:

*“Membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan adat resam Melayu, kecuali perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, setakat yang mengenai Negeri Pahang, dan dalam semua perkara tersebut hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Pahang selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini atau mana-mana Enakmen yang berhubungan dengan agama Islam”.*

Selain daripada itu, perkara yang ke dua pula menyatakan:

*“Pada melaksanakan fungsinya, Majlis hendaklah mempunyai kuasa membincangkan dan menjalankan semua aktiviti berkaitan dengan pembangunan agama Islam dan adat resam Melayu”.*

Setelah penyelidik meninjau kajian-kajian lepas yang relevan, penyelidik mendapati terdapat beberapa kajian yang memfokuskan kepada beberapa aspek yang berbeza seperti kajian Abdul Rahman & Hasan (2021) yang telah menjalankan kajian secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik dengan memberikan penekanan terhadap persepsi masyarakat di negeri Pahang berhubung dengan peranan MUIP dalam menangani kemiskinan. Hasil kajian ini diharapkan dapat membetulkan persepsi masyarakat terhadap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seterusnya mampu meningkatkan lagi keberkesanan agihan zakat bagi membantu golongan asnaf fakir dan miskin serta meningkatkan jumlah kutipan dan pembayar zakat. Selain itu terdapat juga kajian yang berkaitan dengan cabaran dakwah yang dihadapi oleh MUIP (Asmadi & Ramlan 2020), proses pewartaan fatwa negeri Pahang (Muhamad Miziazam 2018), bentuk penerimaan keputusan muzakarah jawatankuasa fatwa negeri (Miziazam et al. 2018) cabaran menyantuni saudara baharu di Pahang (Sh. Mohd Firdaus et al., 2021), Mas Kahwin di Pahang (Muhammad Najib et al., 2021) Penggunaan Fintech di MUIP (Mohamad Noor Sahidi & Ahmad Shukri 2019), bantuan rawatan hospital oleh MUIP (Azman et al., 2021), saham wakaf Pahang di bawah pentadbiran MUIP, analisis program Pembangunan Tamadun Masyarakat Orang Asli (Sobariah & Rashidi 2021).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data ujian. Pengumpulan data ujian ini akan menggunakan instrumen khusus bagi mengenalpasti tahap penguasaan fardu ain masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang.

Kaedah ini melibatkan sesi ujian penguasaan beberapa perkara Asas Fardu Ain kepada seramai 250 orang responden masyarakat Orang Asli beragama Islam di daerah-daerah di Negeri Pahang. Bilangan ini adalah berdasarkan kepada cadangan Krejcie & Morgan (1970) daripada populasi keseluruhan masyarakat Orang Asli beragama Islam di Negeri Pahang (JAKOA, 2022). Ujian penguasaan Fardu Ain ini dijalankan berdasarkan kepada 1 set instrumen ujian yang dibina berpandukan modul Penguasaan Al-Quran dan Fardu Ain (PAFA). Instrumen ujian ini merangkumi 2 komponen utama iaitu latar belakang responden dan tahap penguasaan Fardu Ain responden. Komponen fardu ain yang diambilkira dalam ujian ialah wuduk, bacaan dalam solat dan amali solat fardu.

#### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan dapatan bagi kajian ini.

**Jadual 1: Rumusan Penguasaan Fardu Ain Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang**

Tahap Penguasaan	Menguasai						Jumlah Menguasai	
	Cemerlang		Sederhana		Dengan Bimbingan			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1. Wuduk	120	48.00	57	22.80	47	18.80	224	89.60
2. Lafaz Niat	108	43.20	42	16.80	58	23.20	208	83.20
3. Takbiratul Ihram	129	51.60	32	12.80	43	17.20	204	81.60
4. Doa Iftitah	75	30.00	29	11.60	57	22.80	161	64.40
5. al-Fatihah	131	52.40	34	13.60	35	14.00	200	80.00
6. Surah Pilihan	103	41.20	36	14.40	44	17.60	183	73.20
7. Bacaan Rukuk	103	41.20	36	14.40	49	19.60	188	75.20
8. Bacaan Iktidal	114	45.60	38	15.20	53	21.20	205	82.00
9. Bacaan Sujud	114	45.60	34	13.60	56	22.40	204	81.60
10. Duduk dua Sujud	94	37.60	32	12.80	49	19.60	175	70.00
11. Tahiyyat	83	33.20	40	16.00	49	19.60	172	68.80
12. Salam	120	48.00	37	14.80	40	16.00	197	78.80

13. Qunut	60	24.00	29	11.60	57	22.80	146	58.40
14. Amali	100	40.00	34	13.60	67	26.80	201	80.40
Purata	104	41.54	36	14.57	50	20.11	191	76.23

Jadual 1 menunjukkan rumusan penguasaan Fardu Ain Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang. Bagi kategori menguasai cemerlang, item bacaan surah al-Fatihah berada di kedudukan teratas dengan 131 orang menguasai (52.40%). Ini diikuti dengan takbiratul ihram dengan 129 orang menguasai (51.60%) dan item amali wuduk dan salam dengan catatan 120 penguasaan (48%). Manakala item yang mendapat kedudukan terendah bagi kategori menguasai cemerlang ialah bacaan doa qunut dengan catatan 60 orang (24%), doa iftitah 75 orang menguasai (30%) dan bacaan tahiyyat dengan 83 orang menguasai bersamaan 33.20%. Purata bagi menguasai cemerlang ialah 104 orang bersamaan 41.54%.

Bagi kategori menguasai sederhana, item bacaan amali wuduk berada di kedudukan teratas dengan 57 orang menguasai (22.80%). Ini diikuti dengan lafaz niat dengan 42 orang menguasai (16.80%) dan item bacaan tahiyyat dengan catatan 40 penguasaan (16.00%). Manakala item yang mendapat kedudukan terendah bagi kategori menguasai sederhana ialah bacaan doa qunut dan bacaan doa iftitah dengan catatan 29 orang (11.60%), diikuti item duduk antara dua sujud dan takbiratul ihram dengan 32 orang menguasai bersamaan 12.80%. Purata bagi menguasai sederhana ialah 36 orang bersamaan 14.57%.

Bagi kategori menguasai dengan bimbingan, item amali solat berada di kedudukan teratas dengan 67 orang menguasai (26.80%). Ini diikuti dengan lafaz niat dengan 58 orang menguasai (23.20%) dan item doa iftitah dan bacaan Qunut dengan catatan 57 penguasaan (22.80%). Manakala item yang mendapat kedudukan terendah bagi kategori menguasai dengan bimbingan ialah bacaan surah al-fatihah dengan catatan 35 orang (14.00%), dan item bacaan salam dengan 40 orang menguasai bersamaan 16.00%. Purata bagi menguasai dengan bimbingan ialah 50 orang orang bersamaan 20.11%.

Dari segi kategori menguasai, dapat dirumuskan bahawa menguasai cemerlang mencatatkan pencapaian yang lebih tinggi dengan purata 104 orang bersamaan 41.54% berbanding menguasai sederhana atau menguasai dengan bimbingan. Bagi rumusan

keseluruhan penguasaan, item amali wuduk berada di kedudukan teratas dengan 244 orang menguasai (89.60%). Ini diikuti dengan lafaz niat solat dengan 208 orang menguasai (83.20%) dan bacaan iktidal dengan catatan 205 penguasaan (82.00%). Purata bagi rumusan penguasaan ialah 191 orang bersamaan 76.23%.

Dari segi rumusan penguasaan, dapat dirumuskan bahawa responden yang menguasai melebihi responden yang tidak menguasai. Iaitu 191 orang daripada keseluruhan 250 orang, bersamaan 76.23% yang menguasai berbanding 59 orang bersamaan 23.77% yang tidak menguasai.

**Jadual 2 Kedudukan Keseluruhan Tidak Menguasai Fardu Ain Mengikut Item**

Item Fardu Ain	Bil	%	Kedudukan
Qunut	104	41.6	1
Doa Iftitah	89	35.6	2
Tahiyat	78	31.2	3
Duduk Antara Dua Sujud	75	30	4
Surah Pilihan	67	26.8	5
Bacaan Rukuk	62	24.8	6
Salam	53	21.2	7
al-Fatihah	50	20	8
Amali	49	19.6	9
Takbiratul Ihram	46	18.4	10
Bacaan Sujud	46	18.4	11
Bacaan Iktidal	45	18	12
Lafaz Niat	42	16.8	13
Wuduk	26	10.4	14
Purata	59.43	23.77	

Jadual 2 menunjukkan kedudukan keseluruhan item Fardu Ain yang tidak dikuasai. Bagi rumusan keseluruhan tidak menguasai, item bacaan doa qunut berada di kedudukan tertinggi tidak menguasai dengan 104 orang (41.60%). Ini diikuti dengan bacaan doa iftitah 89 orang (35.60%) tidak menguasai dan bacaan tahiyat dengan 78 orang tidak menguasai (31.20%). Purata bagi rumusan tidak menguasai ialah 59 orang bersamaan 23.77%.

Daripada hasil kajian yang telah dianalisis, kajian mendapati bahawa dalam konteks wuduk dan solat, majoriti masyarakat Orang Asli di negeri

Pahang dapat menguasai dengan baik samaada dengan bimbingan mahupun tanpa bimbingan.

Pada pendapat penyelidik, penguasaan asas ibadah fardu ain yang baik dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang baru memeluk Islam ini didorong oleh semangat dan ketekunan para pendakwah yang sentiasa memberi perhatian dan dorongan kepada mereka agar dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna. Guru-guru dan penggerak Orang Asli yang diamanahkan oleh JAKIM mahupun MUIP memainkan peranan yang sangat besar dalam memastikan pengajian Islam di kampung-kampung Orang Asli khususnya di Pahang dapat bergerak dengan baik dan berterusan. Sesuatu perkara itu perlu dilakukan secara berterusan agar dapat dijadikan sebagai amalan ataupun habit dalam kehidupan (Ismail et al., 2016).

Penguasaan asas fardu ain yang baik menunjukkan keberkesanannya gerakan dakwah Islam yang telah diusahakan oleh pelbagai pihak berwajib seperti JAKIM, majlis agama negeri umumnya, MUIP khususnya, dan gerakan-gerakan NGO yang terlibat. Kajian-kajian metod dakwah yang berkesan sangat membantu para pendakwah dan pendidik dari sudut komunikasi dalam Pendidikan.

Penguasaan wuduk yang cemerlang menunjukkan satu permulaan yang baik dalam melakukan ibadah solat. Wuduk yang sempurna akan membawa keberkatan dalam amalan. Di samping merupakan syarat sah sesuatu ibadah seperti solat dan beberapa ibadah yang lain, dengan berwuduk juga dapat menggugurkan dosa-dosa kecil seperti sebuah hadis Riwayat Ahmad. Hal ini akan membantu masyarakat Orang Asli yang baru memeluk Islam khususnya istiqamah dalam Iman dan Islam.

Penguasaan bacaan-bacaan ringkas atau rukun qauli yang ringkas dalam solat yang baik seperti bacaan lafaz niat, iktidal, sujud serta takbiratul ihram sudah merangkumi hampir 80 peratus hampir sempurna rukun solat. Ini merupakan satu pencapaian yang sangat baik. Usaha yang berterusan akan membantu mereka dalam menguasai rukun solat dengan sempurna. Bimbingan dan dorongan daripada sekeliling juga membantu mereka dalam mencapai penguasaan asas fardu ain yang baik seperti peringatan dari penggerak-penggerak orang asli, guru-guru Briged Dakwah, guru-guru Penyelaras Pembangunan Insaniah Masyarakat Asli (PEPIMA) Pahang, ahli keluarga dan rakan-rakan serta masyarakat Islam sekeliling.

Penguasaan solat seperti bacaan al-Fatiyah, amali solat secara umumnya, bacaan salam, bacaan rukuk serta bacaan surah-surah pilihan juga dalam kategori yang sangat baik tahap penguasaannya. Hal ini menunjukkan mereka mampu untuk melaksanakan solat dengan sempurna sama ada dengan bimbingan secara langsung melalui guru dan kelas-kelas fardu ain mahupun secara tidak langsung dengan mengerjakan solat secara berjemaah mengikut imam.

Penguasaan yang lemah atau tidak menguasai pada bacaan solat yang agak panjang seperti bacaan duduk antara dua sujud, bacaan tahiyyat, doa iftitah serta doa qunut perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang terlibat terutamanya pada bacaan rukun solat seperti bacaan tahiyyat. Menghafal dan menguasai bacaan tahiyyat memerlukan usaha yang lebih daripada individu tersebut kerana perkara ini tidak dapat diikuti dengan solat berjemaah. Maka, individu ini perlu mendapatkan bantuan dan menguatkan semangat dalam menuntut ilmu. Melalui kajian Asmadi & Ramlan (2020), antara kelemahan sikap Orang Asli adalah perasaan rendah diri yang tinggi. Oleh itu, mereka memerlukan bimbingan daripada guru-guru bagi mengatasi kelemahan sikap mereka ini.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan keberkesanan usaha-usaha dakwah yang dilakukan di Malaysia amnya dan Pahang khususnya oleh institusi kerajaan mahupun bukan kerajaan. Kaedah komunikasi dakwah yang berkesan dapat dilihat melalui pemahaman, pengamalan dan kepercayaan mereka dalam menuntut ilmu fardu ain samaada di sekolah mahupun di masjid.

## PENUTUP

Kesimpulannya, di samping tahap penguasaan asas fardu ain yang baik, berdasarkan persepsi masyarakat Orang Asli di Pahang penguasaan terhadap bacaan-bacaan yang tidak menguasai perlu diambil perhatian juga terutamanya yang melibatkan rukun-rukun solat. Semangat kekitaan yang ada dalam diri masyarakat Orang Asli dapat membantu mereka dalam mewujudkan budaya menuntut ilmu serta memperbaiki solat mereka serta ibadah-ibadah yang lain. Daripada kajian yang dijalankan dapat dirumuskan bahawa tahap penguasaan asas fardu ain masyarakat Orang Asli bertambah baik dan memerlukan usaha yang berterusan serta kajian yang lain agar dapat menambahbaik metod pengajaran agama Islam agar lebih mudah dipelajari dan lebih efektif.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

## SUMBANGAN PENULIS

Konseptualisasi: Halim Ismail

Pengumpulan data: Nazatul Akmar Mokhtar, Ramlan Mustapha,&Asmadi Abdul Rahman

Penganalisisan data: Halim Ismail & Fahmi Zaidi Abdul Razak

Penulisan: Auni ‘Atikah Tazudin  
Pengurusan Projek: Sh Mohd Firdaus Sh Othman

### PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada pihak Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang telah menganugerahkan geran penyelidikan (SPG22-041-0041 MUIP 2023) ini kepada para penyelidik.

### RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don & Anuar Puteh, Badlihisham Mohd. Nasir, Muhammad Faisal Ashaari & Razaleigh Muhamat Kawangit. 2016. The level of understanding and appreciation of Islam among Orang Asli New Muslims in Selangor State, Malaysia, and its relationship with social well-being. *International Journal of Humanities, Arts and Social Sciences* 2 (6): 215-220.
- Abdul Rahman Idris, Jusminah Paumat & Mohd Rais Serubih. 2020. Pencapaian Murid Tingkatan Satu dalam Ujian Solat Fardu di Daerah Membakut, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 5 (37): 245-252.
- Abdul Rahman Talib & Hasan Ahmad. 2021. Persepsi Masyarakat di Pahang terhadap peranan Majlis Ugama Islam Pahang dalam menangani kemiskinan asnaf fakir dan miskin. *Jurnal al-Sirat* 19 (1): 88-95.
- Al-Ghazālī. 1971. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* Vol.1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Nawawī. 2002. *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Vol. I, 590.
- Asmadi Abdul Rahman & Ramlan Mustapha. 2020. Cabaran pelaksanaan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies* 42 (SI): 59-67.
- Azman Ab Rahman, Muhammad Faiz A.S. Afaf, S. & Nurul Nadia Nozlan. 2021. Peruntukan dana zakat bagi kos rawatan jantung kanak-kanak: amalan di institusi zakat di Malaysia. *Ulum Islamiyyah* 33 (2): 37-47.
- Azman Che Mat, Azarudin Awang, & Munirah Ismail, 2016. Penguasaan kemahiran membaca dan menulis jawi murid kelas al-Quran & fardhu ain (KAFA) tahun 5: Satu kajian kes. Proceedings for The International Conference on Education, Islamic Studies and Social Sciences Research 2016. Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia: 114-136.

- JAKOA.2022. Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli. Dicapai Pada 22 Jun 2023. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/>
- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2017. Aktiviti dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terhadap masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan cabarannya. Prosiding Bicara Dakwah kali ke 15: Pengurusan Dakwah Kontemporari. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor: 130-140.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Miziazam Yahya, Mansor Sulaiman, Irwan Mohd Subri & Muhd Nasiruddin Asman. 2018. Bentuk Penerimaan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang. *Perdana: International Journal of Academic Studies* 3 (1): 1-12.
- Mohamad Noor Sahidi Johari & Ahmad Shukri Yusoff. 2019. Fintech: Ke arah keberkesanan kutipan dan agihan zakat di Malaysia. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* 1 (2): 49-59.
- Muhamad Miziazam Yahya. 2018. Penyelarasan fatwa Pahang dan kebangsaan: Kajian kes terpilih 2008-2015. PhD thesis, Universiti Malaysia Pahang.
- Muhammad Najib Abd Wakil, Ikmal Hafiz Jamal, Muhammad Hasif Yahaya, Mohamad Afandi Md Ismail. 2021. Mas kahwin di Pahang: Kiraan semula niali semasa. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)* 7 (1): 171-195.
- Mukhlas Nugraha. 2017. Konsep ilmu fardu ain dan fardu kifayah dan kepentingan amalannya dalam kurikulum pendidikan Islam. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 10: 103-149.
- Nurayuni Adibah Abdullah, Mariam Abd Majid & Noraini Mohamad. 2019. Persepsi Mualaf Terhadap Modul Pengajaran Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM) Daerah Hulu Langat, Selangor. Dalam, Azri Bhari. Mohammad Mahyuddin Khalid, & Mohd. Ashrof Zaki Yaakob (Penyt.). *Memperkasa Potensi Muallaf Era Kontemporari*. Selangor: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM.
- Raba'ahadawiah Ahmad@Yunus, Ezani Yaacob, & Amiratul Munirah Yahaya. 2022. Implementation of da'wah by teachers teaching basic Islamic knowledge to converts (KFAM) in Selangor. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)* 8 (1): 1-9.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2013. Dakwah Muallaf Orang Asli in Pahang: Focussing on Problem Pertaining to the Target Group in

- Efforts of Dakwah. Dicapai pada 22 Jun 2023. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.researchgate.net>.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit, Abdul Ghafar Don, & Abu Dardaa Mohamad, 2012. Dakwah kepada golongan muallaf Orang Asli di Kelantan. *Al-Hikmah* 4: 87-105.
- Sh. Mohd Firdaus Sh. Othman, Ahmad Effat Mokhtar, Siti Raudah Abdul Karim, Hidayah Suhaimi, & Hidayah Saidi. 2021. Konsep menyantuni saudara baharu dalam Islam: Cabaran dan kaedah pendekatan di Pahang. *Jurnal al-Sirat* 19 (2): 143-159.
- Sobariah Abu Bakar & Rashidi Abbas. 2021. Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Orang Asli (Petama). Satu Analisis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 6 (S2): 37-41.
- Sulaiman Endut. 2005. *Asas-Asas Fardu Ain*. Pustaka Haji Abdul Majid.
- Syed Abdurrahman Syed Hussin. 2009. Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan halangan. *Jurnal Usuluddin* 30: 155-184.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar, & Nur Uswah Ahmad Fauzi. 2019. Strategi Komunikasi Pemujukan Pendakwah dalam Penyampaian Mesej Islam kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 4 (1): 12-26.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh. Nur Damia Husna Nor Sad. 2019. Amalan komunikasi dakwah semasa kelas Fardu Ain Orang Asli Muslim di Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication* 4(17): 34-47.

### **Pengarang:**

\* Halim Ismail  
International Islamic University Malaysia,  
Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia  
Emel: halimismail@iium.edu.my

Nazatul Akmar Mokhtar  
International Islamic University Malaysia,  
Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia  
Emel: nazatulakmar@iium.edu.my

Ramlan Mustapha  
Universiti Teknologi MARA Pahang,  
Kampus Raub 27600, Pahang, Malaysia

Emel: ramlan@uitm.edu.my

Fahmi Zaidi Abdul Razak  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah,  
KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang.  
Emel: fahmizaidi@unipsas.edu.my

Auni 'Atikah Tazudin  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah,  
KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang.  
Emel: auniatikahtazudin@gmail.com

Asmadi Abdul Rahman  
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang,  
Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah, Jalan Istana Permai,  
26600 Pekan, Pahang Darul Makmur.  
Emel: asmadiabdulrahman@gmail.com

Sh Mohd Firdaus Sh Othman  
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang,  
Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah, Jalan Istana Permai,  
26600 Pekan, Pahang Darul Makmur.  
Emel: firdaus@muip.gov.my